

## **HUKUM SEMBAHYANG JAMAK KERANA MENJALANI RAWATAN PENYAKIT-PENYAKIT KRONIK DIHOSPITAL-HOSPITAL KERAJAAN DAN SWASTA**

### **Keputusan :**

1. Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor telah bersetuju memutuskan bahawa :
  - a. **Harus** sembahyang Jamak kerana rawatan yang memakan masa yang lama.
  - b. Hukum ini juga terpakai untuk pekerja-pekerja yang tidak dapat meninggalkan tugasnya kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan seperti doktor yang bertugas di wad ICU, dan seumpamanya yang terpaksa bertugas tanpa had masa dan lain-lain "**dharurat**".
  - c. **Keharusan** tersebut hanya dikhususkan pada masa berlaku "**dharurat**" tersebut sahaja, tidak terpakai pada masa sihat atau hari yang tiada rawatan atau ketika tidak bertugas.
  
2. Keputusan ini adalah berdasarkan kepada hujah-hujah seperti berikut :
  - a. Mengikut pendapat Mazhab Syafie, harus jamak sembahyang kerana musafir yang lama perjalanannya dengan sebab hujan secara jamak takdim sahaja, apabila dilakukan sembahyang itu secara berjamaah di masjid yang jauh daripada rumahnya, mengelakkan kesusahan untuk pergi ke sana, maka ia harus menjamakkan sembahyang sama ada takdim atau takhir bagi orang yang sihat.
  - b. Mengikut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali ke-14 pada 22-23 Oktober 1985 menyatakan bahawa dalam Islam uzur syarie adalah diertikan seperti berikut :-
    - i. Keuzuran yang diluar kuasa seseorang untuk mengatasinya seperti penyakit kronik, menghadapi hujan, ribut dan taufan.
    - ii. Keuzuran yang bersabit dengan keluarga atau saudara yang sakit tenat yang tiada harapan untuk hidup yang perlu diziarahi.
    - iii. Keuzuran berkenaan dengan berkemungkinan berlaku kerosakan bahan perusahaan yang ditinggalkan semasa menunaikan fardhu jumaat.

Daripada kesimpulan di atas , dapatlah dirumuskan bahawa menjalani rawatan penyakit-penyakit kronik seperti hemodialisis bagi penyakit buah pinggang dan seumpamanya adalah dikira uzur syarie yang di luar kuasa seseorang untuk mengatasinya.